

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR PENYUMBANG  
STRES GURU DENGAN EFIKASI GURU DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PANTAI  
BARAT SELATAN, SABAH**

**HEE PIT SANG**

**Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat memperolehi  
Ijazah Sarjana Pendidikan**


**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2012**

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Februari 2012



---

**HEE PIT SANG**  
**PT20098786C**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **HUBUNGAN ANTARA FAKTOR PENYUMBANG STRES GURU DENGAN EFIKASI GURU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PANTAI BARAT SELATAN, SABAH.**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ( KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

SAYA : **HEE PIT SANG** SESI PENGAJIAN : **2011/2012**

Mengaku membenarkan tesis ( LPSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah sengan syarat- syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salian tesis ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh



(HEE PIT SANG)



(DR KHALID JOHARI)

Alamat Tetap: B16, 2A-2, BLOCK B16,  
TAMAN PENAMPANG PHASES 2I,  
JALAN PENAMPANG 88300,  
PENAMPANG, SABAH.

Tarikh: 26 FEBRUARI 2012

Tarikh: 28 Feb 2012

Catatan: \* Potong yang tidak berkenaan

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*\*\* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan laporan Projek Sarjana Muda( LPSM)

## PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan, segala puji bagi tuhan yang Maha Esa kerana memberikan kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini. Saya berpegang kepada pepatah Melayu 'sedikit demi sedikit lama-lama menjadi bukit' dan akhirnya kajian ini dapat disiapkan.

Dalam ruangan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Khalid Johari selaku penyelia dan Dr Muhamad Suhaimi Bin Taat yang sentiasa bersedia membantu, memberikan motivasi dan sokongan, bimbingan dan tunjuk ajar yang membina sepanjang penyelenggaraan kajian ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah menabur ilmu pengetahuan kepada saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang sentiasa bersedia membantu dalam menjalani kajian ini. Tidak lupa juga ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan kebenaran menjalankan kajian. Juga tidak ketinggalan juga kepada semua pengetua dan guru yang terlibat dalam kajian ini. Kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya sepanjang kajian ini dijalankan amatlah saya hargai.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa komit membantu dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Akhir sekali, galakan, pengorbanan dan dorongan daripada ibu bapa yang tersayang juga saya sentiasa ingati. Segala kerjasama, bimbingan, pertolongan daripada sekian pihak akan saya kenangkan sehingga ke akhir hayat.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah. Di samping itu, hubungan antara dimensi kedua-dua pembolehubah ini turut dikaji. Melalui kajian ini, aras kedua-dua pembolehubah kajian akan ditentukan. Dalam menganalisis data kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan untuk menguji kesemua hipotesis kajian dan penentuan aras. Dengan itu, dalam pengujian faktor penyumbang stres guru, instrumen yang dibina oleh Jepson dan Forrest (2006) yang mempunyai dua dimensi dengan skala 5 poin digunakan iaitu dimensi kesungguhan guru dalam pencapaian (*Teacher Achievement Striving Scale, TASS*) dengan nilai alfa *Cronbach*,  $\alpha = .75$  dan komitmen kerja guru (*Teacher Occupational Commitment Scale, TOCS*) dengan nilai alfa *Cronbach*,  $\alpha = .76$ . Sementara itu, dalam pengujian efikasi guru, instrumen (*Teacher Sense of Efficacy Scale, TSES*) yang dibina oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) mempunyai tiga dimensi dengan skala 9 point digunakan iaitu penglibatan pelajar dalam kelas dengan nilai alfa *Cronbach*,  $\alpha = .81$ , pengurusan kelas dengan nilai alfa *Cronbach*,  $\alpha = .86$  dan strategi pengajaran dalam kelas dengan nilai alfa *Cronbach*,  $\alpha = .86$ . Data dikutip dengan menggunakan kedua-dua instrumen kajian ini ke atas 750 orang guru yang melibatkan 19 buah sekolah. Dalam penentuan aras faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru, statistik deskriptif digunakan untuk mencari minnya. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah kajian adalah pada aras tinggi, demikian juga setiap dimensi yang terkandung dalam kedua-dua pembolehubah kajian. Selain itu, statistik inferensi iaitu ujian *Pearson* pula digunakan untuk menguji hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru dan seterusnya menguji hubungan antara dimensi kedua-dua pembolehubah ini. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan lemah antara kedua-dua pembolehubah kajian ini. Keputusan yang serupa juga diperolehi dalam penentuan hubungan antara dimensi-dimensi kajian.

## ABSTRACT

*The aim of this study is to determine the relationship between contributory factors in teacher's stress and teacher's efficacy in secondary schools located in the South West of Sabah. Throughout this research, the relationships between the variables' dimensions are also determined. Beside that, the level of teacher's stress contributory factors and also level of teacher's efficacy will also determined in this research. In analysed data in this study, the quantitative method is used to test the entire research hypothesis and to determine the level of research variables. Therefore, in testing the teacher's stress contributory factor, the instrument that are developed by Jepson and Forrest (2006) that have two-dimension with 5 point scale is used. The dimensions are Teacher Achievement Striving Scale, TASS with the Cronbach Alpha,  $\alpha = .75$  and Teacher Occupational Commitment Scale, TOCS with Cronbach Alpha,  $\alpha = .76$ . Meanwhile, in testing teacher's efficacy, instrument of Teacher Sense of Efficacy Scale, TSES which is developed by Tschannen-Moran and Hoy (2001) is used. This instrument consists of three dimension, namely the efficacy in students engagement ( $\alpha = .81$ ), the efficacy in classroom management ( $\alpha = .86$ ) and the efficacy in instructional strategies ( $\alpha = .86$ ). With the use of these instruments, data collected from 750 teachers in the population research involve 19 schools. The descriptive statistics is used to find out the mean for the determination of the level of teacher's stress contributory factor and the teacher's efficacy. The findings of this study show both study variables and its dimensions are in high level. Apart from that, inferential statistics, Pearson Test is used to test the relationship between teacher's stress contributing factors with teacher's efficacy and also the relationship between the dimensions. Hence, the finding of this study shows that there is a positive and significant but weak relationship between both study variables. Furthermore, there are very near results can be seen in the testing of the relationship among the dimensions in this study.*

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# SENARAI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	i,ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Persoalan kajian	7
1.6 Justifikasi kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Limitasi kajian	9
1.9 Definisi operasional kajian	10
1.9.1 Faktor penyumbang stres guru	10
1.9.2 Efikasi guru	11
1.9.3 Pantai Barat Selatan Sabah	11
1.9.4 Guru-guru sekolah menengah kebangsaan	11
1.10 Kesimpulan	12
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Faktor penyumbang stres guru	13
2.2.1 Kesungguhan guru dalam pencapaian	16

2.2.2	Komitmen Kerja Guru	17
2.3	Efikasi guru	18
2.3.1	Penglibatan pelajar dalam kelas	20
2.3.2	Pengurusan kelas	21
2.3.3	Strategi pengajaran dalam kelas	21
2.4	Teori-teori berkaitan	22
2.4.1	Teori penilaian Kognitif	23
2.4.2	Teori kognitif sosial Bandura	26
2.5	Model-model kajian	29
2.5.1	Model Transaksi Stres	30
2.5.2	Model stres guru (Kyriacou & Sutcliffe, 1978)	32
2.5.3	Model Model efikasi guru	33
2.6	Pengukuran faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru	36
2.6.1	Pengukuran faktor penyumbang stres guru	37
2.6.2	Pengukuran efikasi guru	38
2.7	Kajian-kajian lepas	42
2.7.1	Kajian luar negara	43
2.7.2	Kajian dalam negara	47
2.8	Kerangka konseptual dan hipotesis kajian	49
2.9	kesimpulan	52

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka bentuk kajian	53
3.3	Populasi dan persampelan	54
3.4	Instrumen kajian	56
3.5	Kajian rintis	58
3.6	Pengujian data sebenar	61
3.6.1	Ujian Kebolehpercayaan Data Sebenar	61
3.6.2	Ujian Kenormalan	63
3.6.3	Analisis Pengujian Hipotesis Kajian	64
3.7	Kesimpulan	66



## **BAB 4 DAPATAN DATA**

4.1	Pengenalan	67
4.2	Kajian Demografi	67
4.2.1	Taburan Bilangan Dan Jantina Reponden Kajian Mengikut Daerah	67
4.2.2	Taburan Bidang Pengajaran Mengikut Daerah	69
4.2.3	Taburan Pengalaman Mengajar Mengikuti Daerah	69
4.2.4	Taburan Min Faktor penyumbang stres guru	71
4.2.5	Taburan Min Efikasi Guru	73
4.3	Dapatan kajian	75
4.3.1	Hubungan Antara Faktor Penyumbang Stres Guru Dengan Efikasi Guru	75
4.3.2	Hubungan Antara Dimensi Kesungguhan Guru Dalam Pencapaian Dengan Dimensi Penglibatan Pelajar Dalam Kelas	76
4.3.3	Hubungan Dimensi Kesungguhan Guru Dalam Pencapaian Dengan Dimensi Pengurusan Kelas	77
4.3.4	Hubungan Dimensi Kesungguhan Guru Dalam Pencapaian Dengan Dimensi Strategi Pengajaran Dalam Kelas	78
4.3.5	Hubungan Dimensi Komitmen Kerja Guru Dengan Dimensi Penglibatan Pelajar Dalam Kelas	79
4.3.6	Hubungan Dimensi Komitmen Kerja Guru Dengan Dimensi Pengurusan Kelas	80
4.3.7	Hubungan Dimensi Komitmen Kerja Guru Dengan Strategi Pengajaran Dalam Kelas	81
4.4	Kesimpulan	81

## **BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	83
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	83
5.2.1	Faktor Penyumbang Stres Guru	84
5.2.2	Efikasi Guru	85

5.2.3	Hubungan Antara Faktor Penyumbang Stres Guru Dengan Efikasi Guru	86
5.2.4	Hubungan Dimensi Kesungguhan Guru Dalam Pencapaian Dan Dimensi Penglibatan Pelajar Dalam Kelas	87
5.2.5	Hubungan Dimensi Kesungguhan Guru Dalam Pencapaian Dan Dimensi Pengurusan Kelas	88
5.2.6	Hubungan Dimensi Kesungguhan Guru Dalam Pencapaian Dan Dimensi Strategi Pengajaran	88
5.2.7	Hubungan Dimensi Komitmen Kerja Guru Dan Dimensi Penglibatan Pelajar Dalam Kelas	89
5.2.8	Hubungan Dimensi Komitmen Kerja Guru Dan Dimensi Pengurusan Kelas	90
5.2.9	Hubungan Dimensi Komitmen Kerja Guru Dan Dimensi Strategi Pengajaran	90
5.3	Implikasi Dan Cadangan Dapatan Kajian	91
5.3.1	Implikasi Terhadap Teori	91
5.3.2	Implikasi Terhadap Kerangka Konsep Kajian	92
5.3.3	Implikasi Terhadap Penyelidik Dan Pendidikan	93
5.4	Rumusan Dan Cadangan	93
5.5	Kesimpulan	94

<b>Rujukan</b>		96
----------------	--	----

<b>LAMPIRAN A</b>	<b>Instrumen kajian</b>
<b>LAMPIRAN B</b>	<b>Surat-surat Kebenaran Membuat Kajian</b>
<b>LAMPIRAN C</b>	<b>Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis</b>
<b>LAMPIRAN D</b>	<b>Ujian Kebolehpercayaan Data Sebenar</b>
<b>LAMPIRAN E</b>	<b>Ujian Kenormalan Data Sebenar</b>
<b>LAMPIRAN F</b>	<b>Ujian Korelasi <i>Pearson</i></b>

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Teori penjadualan stres, coping dan penyesuaian	26
Rajah 2.2	Teoritikal model penentuan <i>triadic recipocal</i>	27
Rajah 2.3	Model Transaksi stres	31
Rajah 2.4	Model stres guru	33
Rajah 2.5	Model efikasi guru	34
Rajah 2.6	Kerangka konseptual kajian	50



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Taburan soal selidik	55
Jadual 3.2	Jadual spesifikasi instrumen	58
Jadual 3.3	Jadual nilai pekali alfa Cronbach untuk pembolehubah kajian dalam kajian rintis	59
Jadual 3.4	Pekali kebolehppercayaan bagi setiap dimensi faktor penyumbang stres guru dalam kajian rintis	60
Jadual 3.5	Pekali kebolehppercayaan bagi setiap dimensi efikasi guru dalam kajian rintis	61
Jadual 3.6	Jadual Nilai Pekali Alfa <i>Cronbach</i> Untuk Pembolehubah Kajian Data Sebenar	62
Jadual 3.7	Pekali Kebolehppercayaan Bagi Setiap Dimensi Faktor Penyumbang Stres Guru Dalam Kajian Data Sebenar	62
Jadual 3.8	Pekali Kebolehppercayaan Bagi Setiap Dimensi Efikasi Guru Dalam Kajian Sebenar	62
Jadual 3.9	Klasifikasi Kekuatan Pekali Kolerasi	65
Jadual 3.10	Teknik Pengujian Hipotesis Dengan Jenis Ujian Statistik Yang Digunakan	66
Jadual 4.1	Taburan bilangan dan jantina responden kajian mengikut daerah	68
Jadual 4.2	Taburan bidang pengajaran para responden kajian mengikut daerah	69
Jadual 4.3	Taburan pengalaman mengajar mengikut daerah	71
Jadual 4.4	Taburan frekuensi, min dan sisihan piawai setiap item dalam faktor penyumbang stres guru mengikut dimensinya	72
Jadual 4.5	Aras faktor penyumbang stres guru mengikut daerah	73
Jadual 4.6	Taburan frekuensi, min dan sisihan piawai setiap item dalam efikasi guru mengikut dimensinya	74


Jadual 4.7	Aras efikasi guru mengikut daerah	75
Jadual 4.8	Analisis hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru	76
Jadual 4.9	Analisis hubungan antara dimensi kesungguhan guru dalam pencapaian dengan penglibatan pelajar dalam kelas	77
Jadual 4.10	Analisis hubungan antara dimensi kesungguhan guru dalam pencapaian dengan pengurusan kelas	78
Jadual 4.11	Analisis hubungan antara dimensi kesungguhan guru dalam pencapaian dengan strategi pengajaran dalam kelas	79
Jadual 4.12	Analisis hubungan antara dimensi komitmen kerja guru dengan penglibatan pelajar dalam kelas	80
Jadual 4.13	Analisis hubungan antara dimensi komitmen kerja guru dengan pengurusan kelas	80
Jadual 4.14	Analisis hubungan antara dimensi komitmen kerja guru dengan dimensi strategi pengajaran dalam kelas	81



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

- PBSMI - Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
- GTE - *General Teaching Efficacy*
- PTE - *Personal Teaching Efficacy*
- TASS - *Teacher Achievement Striving Scale*
- TOCS - *Teacher Occupational Commitment Scale*
- TLC - *Teacher Locus of Control*
- RSA - *Responsibility for students Achievement*
- Webb - *Webb Efficacy Scale*
- TES - *Bandura's Teacher Efficacy Scale*
- TSES - *Teachers' Sense of Efficacy Scale*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kecemerlangan sesuatu pendidikan melambangkan kecemerlangan sesuatu negara. Mutu pendidikan yang cemerlang banyak bergantung kepada produktiviti para pendidik. Sehubungan dengan itu Wawasan 2020 digubal bertujuan untuk dijadikan panduan kepada semua rakyat negara ini untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran yang mendatang. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, sebahagian besar usahanya terletak kepada peranan sistem pendidikan, kerana pendidikan merupakan wadah penerapan nilai yang paling utama. Dengan itu, guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk seseorang yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang selaras dengan apa-apa yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Malaysia dalam menghadapi segala cabaran dalam hidupnya.

Sejurus dengan itu, para pendidik diminta melakukan sesuatu dengan meningkatkan hasil pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Maka, sikap, tingkah laku, personaliti, efikasi guru dan stres guru yang berkaitan dengan bidang psikologi dan sosiologi haruslah dipertimbangkan. Dengan memahami kesemua ini, maka dapat mempertingkatkan profesion guru kini.

Banyak kajian telah dijalankan untuk mengkaji faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru untuk mengetahui tahap stres guru dan efikasi guru dalam melakukan kerjanya di sekolah. Selain itu, dengan menggunakan hasil kajian ini, pihak tertentu dapat menolong para guru meningkatkan prestasi pencapaian guru yang seterusnya memberikan bermanfaat kepada para pelajar. Ini dapat dibuktikan apabila Chan dan Juriani (2010) menyatakan stres guru biasanya berpunca daripada beban kerja, tingkah laku pelajar atau terpaksa mengajar pelajar yang mempunyai motivasi yang rendah.



Dengan mengetahui punca stres guru, pelbagai penyelesaian dapat dicadangkan untuk mengurangkan stres guru demi meningkatkan pencapaian pelajar dan profesion guru.

Selain daripada stres guru, satu lagi aspek psikologi guru yang penting dan perlu diberikan perhatian ialah efikasi guru. Menurut Cerit (2010), efikasi guru dapat mempengaruhi aktiviti-aktiviti dalam bilik darjah. Ini bermakna pencapaian pelajar mempunyai hubungan yang rapat dengan efikasi guru (Adedoyin, 2010). Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi biasanya dapat melaksanakan tugas hariannya dengan lebih baik dan penuh dengan keyakinan diri. Bandura (1997) pula menyatakan bahawa kepercayaan kebolehan seseorang guru dalam pengajaran dan pengaruh pencapaian pelajar mempunyai hubungan yang kuat dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan di antara faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di bahagian Pantai Barat Selatan, Sabah. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu sesetengah pihak untuk mencari jalan dalam meningkatkan profesion guru di negeri Sabah.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Guru merupakan satu profesion yang selalu berdepan dengan cabaran yang kompleks seperti mengawal disiplin pelajar, berdepan dengan ibu bapa, menyediakan dan memikirkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang terbaik untuk pelajar dan sebagainya. Dengan itu, menurut McShane dan Glinow (2005), profesion guru merupakan salah satu profesion yang paling stres di banyak negara, ini juga dipersetujui oleh Rajendran dan Ravichandran (2007).

Sebenarnya banyak kajian luar negara telah dibuat dan didapati tahap stres guru adalah pada tahap yang tinggi contohnya dalam kajian Alan, Chen dan Elaine (2010) yang menyatakan bahawa bilangan guru yang menyatakan profesion guru ini adalah satu profesion yang stres telah meningkat 57% dari tahun 2005 ke tahun 2010 di Hong Kong.

Dalam laporan pungutan suara yang dijalankan oleh Persatuan Pendidikan Negara, Washington didapati bahawa satu pertiga daripada pesertanya iaitu guru tidak akan memilih pekerjaan sebagai guru jika mereka mempunyai peluang membuat pilihan sekali lagi. Selain itu, 40% daripada guru melaporkan bahawa mereka akan meninggalkan profesion guru ini sebelum pencen (McGuire, 1979). Ini telah dipersetujui oleh Ingersoll (2011) yang menyatakan bahawa masalah kekurangan guru menjadi satu perkara yang serius dan perlu diberikan perhatian, daripada dapatan kajiannya menunjukkan punca utama kekurangan guru yang bertauliah ini disebabkan mereka telah meninggalkan profesional guru sebelum pencen.

Manakala jika dilihat dalam negara kita, kebanyakan kajian yang dilaksanakan ini mendapati punca faktor stres guru adalah terdiri daripada faktor luaran seperti beban yang banyak (Siti Rohani, 1991), perhubungan rakan sekerja (Teoh, 1998), pihak pentadbir (Ali, 2003) dan sebagainya.

Maka dengan itu, para penyelidik tempatan mahupun luar negara mula membuat kajian untuk mencari punca stres dan seterusnya diharap dapat menanganinya. Menurut Noran, Zaidatol dan Rahil (2002) pula, para guru menyedari bahawa sedikit stres yang diberikan dalam melaksanakan tugas akan memberi kebajikan dan memberi kesan dalam prestasi kerja. Akan tetapi stres yang berlebihan akan mengurangkan prestasi kerja serta menjejaskan kesihatan terutama dari segi mental dan fizikal. Dengan demikian, dalam dua dekad yang akhir ini, banyak kajian telah dibuat untuk mengkaji sumber dan *simptom* stres di kalangan profesion guru (Kyriacou, 1966). Sebagai contoh Tavers and Cooper (1993) telah mengkaji stres kerja dan puncanya, begitu juga dengan Lazarus (2006). Jika dilihat dalam negara kita, isu-isu ini juga menarik perhatian penyelidik-penyelidik tempatan untuk mencari punca stres dan kesannya terhadap guru atau masyarakat, contohnya Siti Radziah (1982); Ahmad (1988); Helen, Rojiah, Nor'azian, Eldrana dan Mustafa (2005).

Daripada kajian-kajian tersebut, terbuktilah isu stres guru ini perlu diberi perhatian supaya masalah ini dapat ditangani demi kebaikan dan kebajikan guru, pelajar

dan masyarakat. Selain itu, daripada kajian-kajian ini juga, didapati bahawa punca guru-guru mengalami stres adalah kerana mereka susah mengawal persekitaran kerjanya, membuat rancangan tentang kerjanya dan membuat keputusan perkerjaannya. Kadangkala, guru-guru diberi beban kerja yang banyak juga akan menyebabkan mereka berada dalam tahap stres yang tinggi. Masalah sumber pengajaran, kepimpinan, kekangan masa pengajaran atau melakukan kerja-kerja sekolah, pencapaian pelajar dan sebagainya merupakan punca-punca stres guru di dalam dunia pendidikan (Eckles, 1987). Walaupun demikian, menurut Jepson dan Forrest (2006), komitmen kerja guru dan faktor penyumbang stres guru merupakan dua faktor stres guru yang jarang dikaji oleh penyelidik pendidikan yang lain tetapi didapati dua faktor ini juga merupakan penyumbang utama dalam stres guru. Maka dengan itu, dalam kajian ini, dua faktor stres guru ini turut dikaji.

Secara amnya, akibat daripada stres guru, kesan negatif akan timbul, seperti masalah pengurangan keberkesanan prestasi kerja, prestasi mengajar yang rendah, efikasi sendiri yang rendah, kepuasan kerja yang rendah, sukar untuk membuat keputusan dan mungkin juga menyebabkan ketidakhadiran kerja yang tinggi (Eckles, 1987). Selain itu, kadangkala kesihatan terus terjejas, menurut Lath (2010), 70%-80% daripada penyakit adalah berpunca daripada stres yang dialami di India.

Selain aspek stres guru, efikasi sendiri guru juga merupakan salah satu isu yang menarik perhatian penyelidik-penyelidik pendidik di luar negara seperti Bandura (1977), Pajares (1996), Tschannen-Moran dan Hoy (2001) dan sebagainya mahupun di dalam negara untuk mengkaji kesannya ke atas guru, pelajar dan masyarakat seperti pengkaji-penyelidik Rahil, Habibah, Loh, Muhd Fauzi, Nooreen and Maria Chong Abdullah (2006), Khalid, Zurida, Shuki dan Ahmad (2009) dan sebagainya.

Ini tidak dinafikan bahawa aspek efikasi sendiri guru sangat penting dalam dunia pendidikan Malaysia yang sentiasa berubah-ubah ini untuk memastikan keberkesanan mengajar. Sebagai contoh, semasa kerajaan Malaysia mengumumkan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003 secara berperingkat dari Tahun Satu dan Tingkatan Satu, guru-guru didedahkan

kemahiran penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai program atau usaha, tetapi masalahnya, masih banyak guru yang bermasalah atau kurang keyakinan dalam penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. (Jamaluddin dan Abdul Razak, 2003).

Daripada kajian Adedoyin (2010), didapati jika seseorang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, mereka akan meletakkan matlamat pencapaiannya yang tinggi dan juga mempunyai komitmen yang tinggi supaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Mereka menganggap kegagalan dalam pencapaian matlamat adalah disebabkan kekurangan pengetahuan, usaha dan kemahiran dalam pencapaian matlamat. Dengan itu, mereka akan cuba mencari jalan dalam menyelesaikan masalah tersebut. Dengan itu, stres kerja dan depresi akan dikurangkan. Sementara itu, keadaan yang sebaliknya berlaku pada seseorang yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah.

Penney (2007) dalam kajiannya yang menyatakan dengan jelas bahawa guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi selalunya membawa kesan positif dalam prestasi pencapaian pelajar yang baik. Menurut kajian ini, seseorang guru yang berefikasi tinggi akan selalu yakin kepada strategi yang dipilihnya untuk mengajar dan mempunyai matlamat yang jelas. Dengan matlamat yang jelas ini, guru-guru yang berefikasi yang tinggi ini akan selalu bersungguh-sungguh mencapainya dengan menggunakan pengalaman yang sedia ada.

Memandangkan soal efikasi sendiri guru ini semakin mendapat perhatian daripada para penyelidik, banyak kajian telah dijalankan dalam pengukuran tahap efikasi sendiri guru dalam pendidikan, contohnya Bandura (1977), Tschannen-Moran dan Hoy (2001) dan sebagainya, begitu juga dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru dengan mendalam.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada era globalisasi pendidikan yang semakin berkembang, isu stres guru dan isu efikasi guru merupakan dua isu yang akan mempengaruhi prestasi pencapaian guru dalam melaksanakan tugas harian. Menurut Muhammad Shazeli dan Supli (2010), tahap stres guru dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah kebangsaan harian masih belum pada tahap yang membimbangkan. Selain itu, penyelidik dalam kajian ini mendapati bahawa stres yang dialami oleh guru-guru adalah berpunca daripada tingkah laku pelajar, kekangan masa mengajar dan beban tugas. Manakala Azizi dan Mazeni (2004) mendapati bahawa tahap stres di sekolah menengah dalam empat buah negeri berada pada tahap sederhana dan faktor kejayaan diri merupakan faktor yang paling mempengaruhi stres guru.

Khalid *et al.* (2009) melaporkan tahap efikasi guru keluaran program Diploma Pendidikan Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan guru-guru keluaran program yang lain di negeri Sabah. Manakala Ross (1992) mendapati terdapat hubungan positif antara efikasi guru dengan pencapaian pelajar. Eren (2009) pula mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan dengan kepercayaan diri dan konsepnya dalam bidang pengajaran. Selain itu, Pajares (1996) telah membuktikan bahawa efikasi sendiri mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan prestasi pencapaian. Selanjutnya, Zimmerman (2000) mengungkapkan bahawa efikasi guru boleh menjadi satu motivasi dan motif kepada pelajar dalam pembelajarannya.

Di samping itu, kedua-dua pembolehubah dalam kajian ini iaitu faktor penyumbang stres dan efikasi guru mempunyai hubungan yang antara satu sama lain. Salanova *et al.* (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa menerusi teori sosial kognitif, efikasi sendiri memainkan peranan yang penting sebagai perantara antara stres kerja dan kelakuan dalam cara menangani stres (*coping behavior*). Seseorang yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah akan menyebabkan tahap stres kerja yang tinggi (Grau, Salanova dan Peiro, 2001). Ini juga dipersetujui oleh Evers, Brouwers dan Tomic (2002) yang menyatakan efikasi guru mempunyai hubungan yang negatif antara depresi dengan keletihan emosi. Tahap efikasi yang rendah ini merujuk kepada kepercayaan sendiri yang rendah dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikannya.

Dengan itu, persoalannya yang timbul dalam kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru.

Sebenarnya terdapat banyak faktor penyumbang kepada stres guru ini antaranya adalah seperti beban tugas, disiplin pelajar, pihak pentadbir dan sebagainya seperti yang dijelaskan di bahagian latar belakang kajian. Tetapi dalam kajian ini, faktor penyumbang stres guru yang akan ditekan dan dikaji ialah kesungguhan guru dalam pencapaian dan komitmen kerja guru (Jepson dan Forrest, 2006). Manakala menurut Tschanen-Moran dan Hoy (2001), terdapat tiga faktor utama yang akan mempengaruhi efikasi sendiri seseorang guru iaitu, penglibatan pelajar, pengurusan kelas dan strategi pengajaran yang juga merupakan faktor-faktor efikasi guru yang akan dikaji dalam kajian ini.

Dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan Sabah. Selain itu, penyelidik juga mengkaji aras faktor penyumbang stres guru dan aras efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat tiga objektif kajian dalam penyelidikan ini. Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengenal pasti aras faktor penyumbang stres guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah. Sementara itu, objektif kajian yang kedua dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti aras efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah. Akhir sekali, objektif ketiga adalah untuk menentukan hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang diterangkan di atas, persoalan kajian ini tentang pertanyaan aras faktor penyumbang stres guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah dan aras efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah. Selain itu, persoalan kajian juga

dibentuk tentang hubungan antara faktor penyumbang stres guru dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Pantai Barat Selatan, Sabah.

### **1.6 Justifikasi kajian**

Banyak kajian telah dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru di negara kita, tetapi masih kekurangan kajian dilaksanakan di Sabah. Maka dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini dan sejurusnya berharap data yang diperolehi boleh membantu pihak-pihak tertentu dalam membuat rancangan atau melaksanakan sesuatu yang boleh membawa manfaat kepada guru-guru di Sabah terutamanya di bahagian Pantai Barat Selatan, Sabah.

Selain itu, faktor penyumbang stres guru dalam kajian ini iaitu kesungguhan guru dalam pencapaian dan komitmen kerja guru merupakan dua faktor yang jarang dikaji oleh penyelidik yang lain, manakala untuk efikasi guru, efikasi guru dalam melibatkan pelajar dalam aktiviti kelas, efikasi guru terhadap pengurusan kelas dan efikasi guru terhadap penyediaan strategi pengajaran dalam kelas juga jarang dikaji oleh penyelidik-penyelidik lain secara teliti. Melalui hasil dapatan kajian ini, kedua-dua faktor tersebut boleh diperkenalkan kepada pihak tertentu, masyarakat atau dunia pendidikan untuk diambil beratkan. Aras-aras faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru juga boleh dikaji dan dilihat dengan teliti melalui kajian ini terutamanya dalam Pantai Barat Selatan, Sabah.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Melalui kajian ini, tahap stres guru dan efikasi guru boleh diketahui. Dengan mengetahui tahap stres dan efikasi guru ini, Kementerian Pendidikan Malaysia atau negeri boleh merancang sesuatu aktiviti atau program untuk menangani masalah jika stres guru terlalu tinggi atau efikasi guru terlalu rendah. Selain itu, dengan dapatan data kajian ini, pihak penggubah dasar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia atau JPN mahupun pejabat pendidikan daerah (PPD) boleh mengubah dasar dengan mempertimbangkan dapatan data kajian ini dan sejurusnya memanfaatkan kepada semua lapis warga pendidik di negara kita.



Di samping itu, dapatan data mengenai hubungan antara faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru dalam kajian ini boleh membantu masyarakat setempat mahupun guru memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam dalam konteks ini. Melalui kajian ini juga, para guru boleh mengetahui tahap stres dan efikasi mereka dan seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan stres atau meningkatkan efikasi pengajarannya. Ini adalah penting kerana pengurusan stres yang tidak betul dan efikasi rendah akan memberikan kesan langsung kepada pencapaian pelajar. Menurut Selye (1970), seseorang guru pengurusan stres yang tidak betul akan mengakibatkan seseorang guru itu menghadapi masalah kesihatan, emosi yang tidak seimbang, masalah mental dan fizikal yang seterusnya akan mempengaruhinya dalam melaksanakan tugas harian di sekolah. Efikasi guru yang rendah akan menyebabkan prestasi pencapaian pelajar yang rendah (Ross, 1992). Sejurus itu hasil dapatan data dalam kajian ini boleh menjadi bahan rujukan kepada pihak-pihak tertentu untuk menyelesaikan masalah tersebut di kalangan guru-guru Malaysia. Ini bertujuan untuk mengoptimumkan tenaga perkerja guru supaya melahirkan insan yang berguna kepada negara. Dengan itu, jelaslah kepentingnya pengetahuan hubungan kedua-dua pembolehubah dalam kajian ini untuk membantu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya dapat memanfaatkan kepada pelajar.

Tambahan pula, para guru dalam populasi kajian ini iaitu Pantai Barat Selatan, Sabah akan lebih memahami kedua-dua pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini iaitu faktor penyumbang stres guru yang dikhususkan kepada faktor kesungguhan guru dalam pencapaian dan komitmen kerja guru serta efikasi guru yang dikhususkan kepada penglibatan pelajar dalam kelas, pengurusan kelas dan strategi pengajaran dalam kelas. Dengan pengetahuan ini, diharapkan pihak-pihak tertentu mengambil berat kesan negatif yang timbul akibat daripada faktor penyumbang stres guru tinggi dan efikasi guru yang rendah kerana ini berisiko tinggi dalam kesihatan mental, fizikal dan psikologi guru dan juga pencapaian pelajar.

## **1.8 Limitasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Tamparuli dan Tuaran. Jumlah responden adalah terhad kepada

guru-guru terlatih sahaja dan tidak termasuk pentadbir-pentabir sekolah. Skop kajian hanya terhad kepada dua faktor penyumbang stres guru iaitu, kesungguhan guru dalam pencapaian dan komitmen bekerja serta tiga faktor yang mempengaruhi efikasi guru iaitu, penglibatan pelajar, pengurusan kelas dan strategi pengajaran. Seterusnya, perhubungan antara faktor penyumbang stres guru dan efikasi guru dikaji dalam kajian ini. Selain itu, populasi kajian ini terhad kepada sekolah-sekolah menengah kebangsaan dengan bantuan penuh kerajaan sahaja. Jenis-jenis sekolah lain seperti, sekolah beragama, sekolah berasmarah penuh dan sebagainya tidak termasuk dalam kajian.

Walau bagaimanapun, dapatan data ini tidak boleh mengeneralisasikan dan dirumuskan kepada seluruh warga pendidik di Malaysia kerana faktor-faktor tertentu yang berbeza dalam kalangan individu, budaya, sekolah dan kawasan. Oleh sebab kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian, hasil kajian adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden menjawab soalan-soalan tersebut. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian adalah bersandar kepada andaian ini.

## **1.9 Definisi Operasional Kajian**

Beberapa istilah penting dalam kajian ini seperti faktor penyumbang stres guru, efikasi guru, Pantai Barat Selatan Sabah dan guru-guru sekolah menengah kebangsaan didefinisikan seperti di bawah.

### **1.9.1 Faktor Penyumbang Stres Guru**

Menurut Mohd Azhar (2004), faktor stres terdiri daripada faktor luaran diri atau faktor dalaman diri. Faktor luaran diri di sini merujuk kepada faktor organisasi ataupun majikan, komitmen pekerjaan, kesungguhan dalam pencapaian dan hubungan sosial. Faktor dalaman diri pula adalah seperti kekecewaan, kebimbangan, kehilangan, kesunyian, kegagalan dan kekurangan sumber. Jepson dan Forrest (2006) telah menerangkan bahawa stres guru ini berpunca daripada tingkah laku jenis A (*Type A behavior*), kesungguhan pencapaian, komitmen kerja, pengalaman mengajar.

Dalam kajian ini, hanya faktor luaran penyumbang stres guru sahaja dikaji iaitu komitmen kerja guru dan kesungguhan guru dalam pencapaian. Faktor penyumbang